



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : AMALAN PROFESIONAL**

**KOD KURSUS : DID3323**

**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020**

**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
  
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH(20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Manakah yang berikut tidak termasuk di bawah pasukan reka bentuk.  
**A** QS  
**B** C & S  
**C** M & E  
**D** Pengurus projek
  
2. Dokumen yang disediakan sebelum tender yang dianugerahkan kepada kontraktor dan untuk menentukan bidaan terbaik oleh kontraktor dikenali sebagai  
**A** Dokumen tender  
**B** Dokumen kontrak  
**C** Perjanjian kontrak  
**D** Dokumen pembinaan
  
3. Dokumen yang disediakan selepas tender dianugerahkan kepada kontaktor dan juga bersedia untuk ditandatangani oleh pelanggan dan kontraktor dikenali sebagai  
**A** Dokumen tender  
**B** Perjanjian kontrak  
**C** Dokumen kontrak  
**D** Dokumen pembinaan
  
4. Semasa proses menganalisis dokumen tender, salah seorang pentender tidak menandatangani borang tender. Apakah tindakan yang perlu diambil?  
**A** Dokumen diterima  
**B** Membatalkan dokumen  
**C** Membuat tawaran semula projek  
**D** Mengembalikan dokumen untuk pembetulan

5. Antara berikut yang manakah adalah proses akhir peringkat tender?
- A Penilaian tender  
B Dokumentasi tender  
C Jemputan untuk tender  
D Menandatangani kontrak
6. Apakah cara terbaik untuk memasarkan syarikat anda?
- A Temujanji dari pintu ke pintu  
B Mengedarkan kad perniagaan  
C Menelefon semua pelanggan yang berpotensi  
D Hantar surat kepada semua pelanggan yang disasarkan
7. Kontrak ini dikenali sebagai kontrak tradisional.
- A Turnkey  
B Konvensional  
C Reka dan bina  
D Tiada satu pun di atas
8. Jenis perniagaan ini tertakluk di bawah Akta Syarikat 1965.
- A Sdn Bhd  
B Perkongsian  
C Joint Venture  
D Milikan tunggal
9. Manakah satu di bawah yang **bukan** merupakan ciri-ciri perniagaan secara perkongsian?
- A Potensi perkembangan perniagaan terhad.  
B Berkerjasama dengan sekurang-kurangnya seorang rakan kongsi.  
C Bertanggungjawab menggunakan sumber sendiri untuk melunaskan hutang.  
D Sekiranya perniagaan gagal, pemegang saham dilindungi oleh tata perundangan.

10. Sebagai seorang yang ingin memulakan perniagaan reka bentuk, dimanakah anda perlu mendaftarkan syarikat anda?

- A SPR
- B LAM
- C SSM
- D MIID

*Set lukisan yang telah disemak semula berdasarkan perubahan yang dibuat dalam spesifikasi dan lukisan kerja semasa proses pembinaan, dan menunjukkan dimensi yang tepat, geometri dan lokasi semua unsur-unsur kerja yang lengkap di bawah kontrak. Ia akan dihantar apabila selesai sesuatu projek atau kerja tertentu.*

11. Pernyataan di atas merupakan ciri-ciri bagi

- A *As-built drawings*
- B *Working drawings*
- C *Construction drawings*
- D *Preliminary drawings*

12. Wang yang dikembalikan kepada kontraktor yang tidak berjaya mendapat tender dipanggil \_\_\_\_\_

- A Wang cengkeram (*Earnest money*)
- B Jumlah sementara (*Provisional sum*)
- C Jumlah yang tidak dijangka
- D Kos wang peruntukan sementara (*Provisional cost sum*)

13. Perjanjian bertulis atau lisan terutama berkaitan jualan sewaan disebut sebagai \_\_\_\_\_

- A kontrak.
- B turnkey.
- C yuran tetap.
- D perniagaan.

14. Berikut merupakan susunan fasa perkhidmatan asas perekabentuk dalaman dalam pembinaan.

- A Perkembangan rekabentuk – Rekabentuk skematik – Dokumen Kontrak – Pentadbiran kontrak
- B Rekabentuk skematik – Perkembangan rekabentuk – Dokumen Kontrak – Pentadbiran kontrak
- C Rekabentuk skematik – Perkembangan rekabentuk – Pentadbiran kontrak - Dokumen Kontrak
- D Rekabentuk skematik – Pentadbiran kontrak - Perkembangan rekabentuk – Dokumen Kontrak

15. Dokumen kontrak disediakan oleh \_\_\_\_\_

- A Klien
- B Arkitek
- C Kontraktor
- D Juru ukur Bahan

16. Berikut merupakan kepentingan Dokumen Kontrak **kecuali**

- A Rujukan utama dalam proses pembinaan
- B Satu alat pengurusan dalam mengawal mutu kualiti kerja
- C Mengadakan mesyuarat tapak antara kontraktor dan konsultan
- D Menerangkan tugas dan tanggungjawap pasukan projek pembinaan

17. Jenis-jenis kontrak yang biasa diamalkan di Malaysia adalah

- i. Kontrak *Turnkey*
- ii. Kontrak *Lump Sum*
- iii. Kontrak *Measure & Value*
- iv. Kontrak *Cost Reimbursement*

- A i dan ii
- B i, ii dan iii
- C iii dan iv
- D i, ii, iii dan iv

18. Langkah-langkah menyediakan senarai bahan adalah seperti berikut

- A Mentafsir lukisan – Mengukur dan mengeluarkan kuantiti – Mengumpulkan kuantiti – Menganggar kos
- B Mentafsir lukisan – Mengumpulkan kuantiti – Mengukur dan mengeluarkan kuantiti – Menganggar kos
- C Menganggar kos – Mengukur dan mengeluarkan kuantiti – Mengumpulkan kuantiti – Mentafsir lukisan
- D Menganggar kos – Mengumpulkan kuantiti – Mengukur dan mengeluarkan kuantiti – Mentafsir lukisan

19. Antara berikut merupakan dokumen yang terdapat dalam Dokumen Kontrak

- i. Set lukisan kerja
- ii. Buku Harian Tapak
- iii. Syarat-syarat kontrak
- iv. Perjanjian antara klien dan kontraktor

A ii dan iv

B i, ii dan iii

C i, iii dan iv

D i, ii, iii dan iv

*Ia dilantik secara formal oleh klien yang akan member khidmat nasihat kepada klien sebelum, semasa dan selepas projek pembinaan siap sepenuhnya. Pihak ini mempunyai pejabat atau syarikat masing-masing yang berdaftar untuk menjalankan operasi khidmat penasihatannya mereka kepada klien. Mereka dibayar sejumlah wang di atas khidmat tersebut.*

20. Berikut di atas merupakan ciri-ciri

- A Pelaksana
- B Kontraktor
- C Konsultan/ Perekabentuk
- D Pihak Berkuasa/ Agensi awam

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA(3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Namakan **empat(4)** pihak utama yang terlibat dalam projek pembinaan.  
(4 markah)
  
- b. Berikan **dua(2)** perbezaan di antara
  - i. Kontraktor utama
  - ii. Subkontraktor  
(4 markah)
  
- c. Senaraikan **enam(6)** rujukan utama yang boleh digunakan oleh Juru Ukur Bahan dalam penyediaan dokumen kontrak binaan.  
(6 markah)
  
- d. Jelaskan kepentingan
  - i. Jadual program kerja di tapak bina.
  - ii. Buku Harian Tapak
  - iii. OSHA  
(6 markah)

**SOALAN 2**

- a. Bagaimanakah pemilihan kontraktor utama di dalam sesbuah projek pembinaan berlaku?  
(4 markah)

- b. Berikan maksud berserta huraihan bagi istilah pembinaan berikut;
- i. *Sign off*
  - ii. Spesifikasi
  - iii. *Relevant authority*
- (6 markah)
- c. Nyatakan istilah penuh bagi singkatan berikut.
- i. EOT
  - ii. BQ
  - iii. MOM
  - iv. LA
  - v. VO
  - vi. LAD
  - vii. MOA
  - viii. SOD
  - ix. CPC
  - x. CF
- (10 markah)

**SOALAN 3**

Perkhidmatan asas yang disediakan oleh Pereka bentuk Dalaman / Arkitek Dalaman boleh dibahagikan kepada lima(5) peringkat. Senaraikan **empat(4)** tugas untuk setiap fasa berikut:

- a. Fasa Rekabentuk Skematik
  - b. Fasa Pembangunan Rekabentuk
  - c. Fasa Awal Kontrak
  - d. Fasa Kontrak
  - e. Fasa Selepas Kontrak
- (20 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA(2)** soalan. Jawab **SATU(1)** soalan sahaja.

Tulis jawapan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Dalam proses menubuhkan pejabat reka bentuk, anda dikehendaki untuk memilih salah satu daripada tiga kategori syarikat yang disyorkan di bawah dan jelaskan **lima(5)** sebab mengapa anda memilih jenis syarikat tersebut.
- i. Pemilik tunggal atau
  - ii. Perkongsian atau
  - iii. Sendirian Berhad
- (2 markah)
- b. Cadangkan **enam(6)** peralatan atau perabut yang amat diperlukan ketika penubuhan awal syarikat anda dan nyatakan sebab mengapa ia penting.
- (6 markah)
- c. Apakah strategi terbaik untuk mewujudkan syarikat Rekabentuk Dalaman yang berjaya?
- i. Proses menubuhkan syarikat
  - ii. Lokasi tempat kerja
  - iii. Organisasi dan persekitaran
  - iv. Perbelanjaan syarikat
- (12 markah)

**SOALAN 2**

- a. Terangkan **dua(2)** kepentingan dokumen kontrak kepada kontraktor.  
(2 markah)
- b. Senaraikan **enam(6)** bangunan atau kawasan sementara susun atur tapak bina bagi projek pembinaan berskala besar.  
(6 markah)
- c. Huraikan setiap jenis kontrak berikut berserta contoh.  
i. *Turnkey*  
ii. Konvensional (*Conventional*)  
iii. Reka dan Bina (*Design and Build*)  
(12 markah)

**[20 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**